

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM ulang pendirian Ivermectin tidak sesuai rawat pesakit

WHO hanya benarkan untuk rawatan kajian klinikal

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sekali lagi mengulangi pendirian bahawa penggunaan Ivermectin bagi rawatan COVID-19 adalah tidak bersesuaian. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihak yang mendesak penggunaan Ivermectin untuk rawatan COVID-19 perlu menyedari bahawa Bahagian Regulatori Farmasi Negara sebelum ini sudah memaklumkan, tiada produk dengan bahan aktif Ivermectin berdaftar untuk kegunaan manusia.

Katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 31 Mac tahun lalu juga membenarkan penggunaan Ivermectin untuk rawatan COVID-19 bagi Kajian Klinikal sahaja.

Beliau berkata, Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) pada 3 April tahun lalu juga memberi kelulusan Ivermectin digunakan untuk SARS-CoV-2 dalam kajian 'in-vi-

tro' di makmal dan bukan untuk manusia.

"Agak 'kecoh' kembali oleh setengah pihak mendesak penggunaan Ivermectin untuk rawatan COVID-19.

"Kesatuan Eropah (EU) pada 27 Mei lalu, melarang Ivermectin ke atas pesakit kerana kekurangan bukti klinikal," katanya dalam hantaran media sosial, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, The Union Health and Family India, pada 7 Jun 2021 juga mengeluarkan dari senarai, penggunaan Ivermectin, Hydroxychloroquine dan Favipiravir untuk rawatan pesakit COVID-19.

Beliau berkata, kajian dan perhatian masih perlu diberikan terhadap laporan awal beberapa Kajian Klinikal di luar negara berkenaan Ivermectin.

Pada masa sama, beliau berkata, Kajian Klinikal di 12 hospital di Malaysia terhadap 500 pesakit risiko tinggi COVID-19 yang mendapati Ivermectin tidak berkesan dalam rawatan terhadap jangkitan itu juga sudah dilaporkan di Journal JAMA.

Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) bawah Institut Kesihatan Negara Kementerian Kesihatan (KKM) pada November lalu me-

ngumumkan dapatan kajian Ivermectin (I-TECH) membabitkan 500 pesakit Kategori 2 dan 3 yang dirawat di hospital.

Kajian klinikal secara 'open-label randomised' itu menilai keberkesanan rawatan lima hari Ivermectin (0.4mg/kg/hari) beserta penjagaan standard (kumpulan IVM), berbanding hanya penjagaan standard (SOC) yang berdasarkan garis panduan KKM untuk pesakit COVID-19 di 20 hospital kerajaan dan Pusat Kuarentin dan Rawatan COVID-19 Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) 2.0.

Dalam satu kenyataan, Dr Noor Hisham, berhubung hasil kajian I-TECH, pada 3 November lalu, beliau menyatakan Pengarah ICR, Dr Kalaiarasu M Peariasamy, memaklumkan kajian itu menunjukkan kadar kemerosotan penyakit COVID-19 kepada tahap teruk adalah sama dalam kumpulan IVM jika dibandingkan kumpulan SOC, iaitu masing-masing 21.2 peratus dan 17.3 peratus.

Beliau dilaporkan berkata, bagi dapatan sama, purata tempoh kemerosotan adalah 3.0 hari bagi kumpulan IVM dibandingkan 2.9 hari untuk kumpulan SOC, namun tiada perbezaan signifikan dari segi statistik.



Dr Noor Hisham Abdullah



Dr Noor Azmi menunjukkan bakat menggoreng 'rimpi pisang' selepas melancarkan Program Pelancongan Domestik Mukim Gunung Semanggol di Dataran Kampung Padang Lalang, Bagan Serai, semalam.

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

Kanak-kanak tak divaksin mudah kena komplikasi MIS-C

Bagan Serai: Kanak-kanak yang tidak divaksin akan lebih terdedah kepada komplikasi sindrom sistem radang berbilang (MIS-C) jika dijangkiti COVID-19, yang boleh menyebabkan keradangan pada jantung, paru-paru dan buah pinggang.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata kumpulan kanak-kanak itu dianggap berisiko tinggi, terutama apabila mereka sentiasa berada dalam kalangan dewasa terutama ibu bapa.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Serai, berkata kumpulan kanak-kanak ini dianggap berisiko tinggi apabila mereka sentiasa berada dalam kalangan dewasa terutama ibu bapa.

"Peraturan kanak-kanak mendapat gejala termasuk MIS-C adalah rendah jika divaksin. Malah, peraturan kanak-kanak mengalami anafilaksis (reaksi alahan yang teruk) akibat daripada suntikan vaksin jenis Pfizer dan Sinovac juga amat rendah.

"Sebagai contoh, 8.7 juta kanak-kanak di Amerika yang me-

ngambil vaksin, hanya 11 daripadanya mendapat kesan adversusulan imunisasi (AEFI)," katanya kepada media selepas melancarkan Program Pelancongan Domestik Mukim Gunung Semanggol di Dataran Kampung Padang Lalang, di sini, semalam.

Justeru, beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Serai, menasihatkan ibu bapa untuk membenarkan anak mereka mendapatkan vaksinasi dalam kadar segera.

Ditanya mengenai kaedah KKM untuk menarik lebih ramai rakyat dan kanak-kanak mendapatkan suntikan, beliau berkata, KKM masih meneruskan program pemberian vaksin seperti biasa di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), termasuk di sekolah dan secara walk-in.

"Kita masih meneruskan program pemberian vaksin seperti biasa dan Sarawak mencatatkan jumlah vaksinasi yang tertinggi dengan 67.7 peratus, hanya melalui program PPV sekolah.

"Sehingga sekarang, sebanyak 412 PPV walk-in dibuka di seluruh negara," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : COVID-19



SEBANYAK 7,176 kes BID akibat Covid-19 dicatatkan setakat ini. - Gambar NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

Oleh Rafidah Mat Ruzki
 am@hmetro.com.my

13 KES BID

KKM lapor sebanyak 59 kes kematian akibat Covid-19 kelmarin

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan berlaku sebanyak 59 kes kematian akibat Covid-19 kelmarin dengan 13 daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Menurut data di laman sesawang COVIDNOW, ia menyumbang kepada sejumlah 34,244 kes kematian akibat Covid-19 setakat ini termasuk 7,176 kes BID.

Perak melaporkan kes kematian akibat Covid-19 tertinggi kelmarin dengan 15 kes termasuk tiga kes BID.

Ia disusuli Selangor dengan 12 kematian dan tiga kes BID; Johor dengan 11 kematian; enam kematian di Kelantan yang kesemuanya kes BID; Melaka (lima); Pahang (tiga); masing-masing dua kematian di Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sarawak (termasuk satu kes BID) dan satu kematian di Kedah.

Sementara itu, sebanyak 78.9 peratus daripada populasi negara sudah melengkapkan vaksinasi Covid-19 manakala 47.2 pe-

34,244
 Jumlah kes kematian akibat Covid-19 setakat ini di Malaysia

ratus daripada populasi Malaysia sudah mengambil dos penggalak.

Sebanyak 46,039 dos vaksin diberikan kelmarin dengan 30,617 adalah dos penggalak; 13,256 dos per-

tama dan 2,166 dos kedua.

Sehingga kini 34.4 peratus daripada populasi berusia antara lima hingga 11 tahun sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala sebanyak 94.5 peratus daripada remaja berusia 12 hingga 17 tahun juga sudah mendapatkan dos pertama.

Manakala sebanyak 91.3 peratus populasi remaja negara sudah melengkapkan vaksinasi masing-masing.

24,241 kes positif baharu, 26,615 kes sembuh

Putrajaya: Sebanyak 24,241 kes positif baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah angka 3,951,678 kes kini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 26,615 kes sembuh dilaporkan kelmarin.

Menurutnya, ia menyumbang kepada sejumlah 3,623,068 kes yang sudah pulih sepenuhnya.

Belliau berkata, daripada kes baharu yang dilaporkan itu, sebanyak 23,720 kes dalam penularan tempatan membabitkan 22,893 warganegara (96.5 peratus) dan 827 bukan warganegara (3.5 peratus).

Katanya, daripada 521 kes import yang dilaporkan itu, seramai 487 pesakit adalah

rakyat Malaysia manakala 34 adalah warga asing.

"Daripada 24,241 kes harian dilaporkan kelmarin, sebanyak 9,801 kes atau 40.43 peratus adalah pesakit kategori 1.

"Kategori 2 mencatat seramai 14,255 kes (58.81 peratus); kategori 3 (67 kes atau 0.28 peratus); kategori 4 (65 kes atau 0.27 peratus); dan 53 kes atau 0.21 peratus dalam kategori 5.

"Selain itu, daripada 185 kes Covid-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan kelmarin, sebanyak 60 kes membabitkan individu tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi; 71 kes menerima dua dos vaksin Covid-19, tetapi belum menerima dos penggalak dan 54 kes sudah menerima dos penggalak," katanya.

Sejumlah 3,623,068 kes sudah pulih sepenuhnya
 Dr Noor Hisham

65.6 peratus populasi dewasa sudah terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 15,425,524 individu dewasa atau 65.6 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVIDNOW, sejumlah 25,782,213 atau 97.5 peratus daripada populasi sama sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,216,630 or 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sebanyak 1,221,990 individu atau 34.4 peratus kumpulan itu sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKIDS).

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sebanyak 2,841,412 individu atau 91.3 peratus daripada populasi itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,940,403 atau 94.5 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 46,039 dos diberikan semalam meliputi 13,256 dos pertama; 2,166 dos kedua dan 30,617 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 68,376,641. Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 59 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

TEMPAH SLOT DI MYSEJAHTERA

Orang ramai boleh buat janji temu dos penggalak bermula esok

Kuala Lumpur

Orang ramai kini boleh membuat janji temu untuk dos penggalak melalui *Booking Management System* di aplikasi MySejahtera untuk tempahan slot bermula 21 Mac ini di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth Corporation Sdn Bhd Datuk Dr Anas Alam Faizli berkata tempahan melalui aplikasi itu adalah inisiatif kerajaan selain janji temu yang telah ditetapkan oleh aplikasi MySejahtera.

Ia bertujuan meluaskan lagi liputan dan mempercepatkan vaksinasi dos penggalak dalam kalangan rakyat Malaysia sebelum status vaksinasi penuh ditarik balik daripada penerima vaksin primer lengkap (dos 1 dan dos 2) bagi yang tidak mendapatkan dos penggalak selewat-lewatnya 31 Mac ini.

"Tujuan kemudahan ini adalah untuk memupuk kesedaran masyarakat dan tanggungjawab individu terhadap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan meluaskan akses ke-

pada program vaksinasi sedia ada, terutamanya kepada warga emas bagi memastikan fasa peralihan kepada endemik yang akan bermula pada 1 April 2022 dapat dilaksanakan dengan selamat," katanya dalam kenyataan media, kelmarin.

Dr Anas berkata warga emas yang tidak divaksinasi atau tidak diberi suntikan dos penggalak dengan komorbiditi mempunyai risiko kematian yang lebih tinggi jika mereka dijangkiti Covid-19.

"Memandangkan Ramadan semakin menghampiri,

dinasihatkan agar golongan ini segera mendapatkan dos penggalak secepat mungkin.

"Mari lindungi keluarga kita. Sama-sama kita tingkatkan tahap perlindungan kita sebelum memasuki fasa peralihan kepada endemik," katanya.

Orang ramai boleh merujuk laman web ProtectHealth di www.protecthealth.com.my untuk melihat senarai PPV pilihan yang berdaftar di bawah ProtectHealth sebagai senarai rujukan di *Find Vaccination Centre* (PPV).



Pesakit ICU

KAKITANGAN perubatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) merawat pesakit Covid-19 yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU). - Gambar NSTP/EFFENDY RASHID

97.24 peratus sudah terima sijil vaksin

Shah Alam: Seramai 664,354 atau 97.24 peratus daripada keseluruhan penerima lengkap dua dos vaksin menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX) sudah menerima sijil MySejahtera setakat Isnin lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri Dr Siti Mariah Mahmud berkata, pada tempoh sama, sejumlah 12,604 atau 1.84 per-



Bagi penerima yang masih belum mendapat sijil, individu tersebut boleh berhubung melalui *Contact Support* di aplikasi Selangkah"

Dr Siti Mariah

ratus pula masih belum menerima sijil vaksinasi dan dalam proses oleh pihak MySejahtera.

"Baki sebanyak 0.91 peratus lagi adalah mereka yang belum lengkap mendapatkan dos kedua vaksin SelVAX," katanya.

Dr Siti Mariah berkata, bagi penerima yang masih belum mendapat sijil, individu tersebut boleh berhubung melalui *Contact Support* di aplikasi Selang-

kah yang mempunyai akses terus dengan *MySejahtera Helpdesk*.

"Antara punca utama yang menyebabkan isu lewat sijiil vaksinasi ini adalah disebabkan *Identity Document* (ID) seperti nombor kad pengenalan atau pasport atau nombor telefon yang digunakan bagi tujuan pendaftaran adalah berbeza antara Selangkah dengan MySejahtera," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sekali lagi mengulangi pendirian bahawa penggunaan Ivermectin bagi rawatan Covid-19 tidak mendatangkan kesan positif.

Malah, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, pihak yang mendesak penggunaan Ivermectin untuk rawatan Covid-19 perlu menyedari bahawa Bahagian Regulatori Farmasi Negara sebelum ini memaklumkan tiada produk dengan bahan aktif Ivermectin berdaftar untuk kegunaan manusia.

Katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 31 Mac tahun lalu juga membenarkan penggunaan Ivermectin untuk rawatan Covid-19 bagi Kajian Klinikal sahaja.

Beliau berkata, Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) pada 3 April tahun lalu juga memberi kelulusan Ivermectin digunakan untuk SARS-CoV-2 dalam kajian *in-vitro* di makmal dan bukan untuk manusia.

"Agak kecoh kembali oleh setengah pihak mendesak penggunaan Ivermectin untuk rawatan Covid-19.

"Kesatuan Eropah (EU) pada 27 Mei lalu melarang Ivermectin ke atas pesakit kerana kekurangan bukti klinikal," katanya dalam hantaran melalui media sosial, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham ber-

TIADA KESAN POSITIF IVERMECTIN

Ubat yang kembali diperdebat
terbukti tak mujarab rawat Covid-19

kata, *The Union Health and Family India*, pada 7 Jun 2021 juga mengeluarkan dari senarai penggunaan (*de-listed*) Ivermectin, *Hydroxychloroquine* dan *Favipiravir* untuk rawatan pesakit Covid-19.

Katanya, kajian dan perhatian perlu diberikan terhadap laporan awal beberapa Kajian Klinikal di luar negara berkenaan Ivermectin.

Pada masa sama, beliau berkata, kajian klinikal yang dilakukan di 12 hospital di seluruh Malaysia terhadap 500 pesakit risiko tinggi Covid-19 mendapati Ivermectin tidak berkesan dalam rawatan terhadap jangkitan itu.

Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) di bawah Institut Kesihatan Negara KKM turut mengumumkan dapatan kajian Ivermectin (I-TECH) membabitkan 500 pesakit Kategori 2 dan 3 yang dirawat di hospital November lalu.

Kajian klinikal yang dijalankan secara *open-label randomised* itu menilai keberkesanan rawatan lima hari ivermectin (0.4mg/kg/hari) serta penjagaan standard (kumpulan IVM) berbanding dengan hanya penjagaan standard (SOC)

berdasarkan garis panduan KKM untuk pesakit Covid-19 di 20 hospital kerajaan dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Maeps 2.0.

Dalam kenyataan Dr Noor Hisham berhubung hasil kajian I-TECH, 3 November lalu, beliau menyatakan Pengarah ICR,

Dr. Kalaiarasu M. Peariasamy, memaklumkan bahawa kajian itu menunjukkan kadar kemerosotan penyakit Covid-19 kepada tahap teruk adalah sama dalam kumpulan IVM jika dibandingkan dengan kumpulan SOC, iaitu masing-masing pada 21.2 peratus dan 17.3 peratus.

“

EU melarang
Ivermectin ke atas
pesakit kerana
kekurangan bukti
klinikal

Dr Noor Hisham

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

7.5 juta orang dewasa bakal luput status vaksin 1 April ini

PETALING JAYA – Kira-kira 7.5 juta penduduk dewasa Malaysia yang menerima dua dos suntikan vaksin sebelum ini bakal berdepan penukaran status vaksinasi kepada tidak lengkap bermula 1 April ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sebanyak 34.4 peratus penduduk negara ini masih belum menerima dos penggalak.

"Jumlah ini termasuk 835,000 warga emas dan 2.1 juta peneri-

ma dos lengkap Sinovac.

"Kumpulan ini akan kehilangan status lengkap vaksinasi pada 1 April jika tidak menerima booster sebelum tarikh tersebut.

"Tempah janji temu di MySejahtera anda sekarang," ka-

tanya menerusi satu hantaran di Facebook semalam.

Sebelum ini, beliau memaklumkan, penerima vaksin Sinovac dan warga emas berumur 60 tahun ke atas yang menerima semua jenis vaksin, diberikan

tempoh sehingga 31 Mac 2022 untuk mendapatkan suntikan dos penggalak.

"Sekiranya gagal berbuat demikian, status vaksinasi mereka akan bertukar kepada tidak lengkap," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

332 ACTIVE CLUSTERS

DROP IN NEW COVID-19 CASES, Rt

24,241 fresh infections on Friday compared with 27,004 on Thursday, Rt at 0.92

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Covid-19 national infectivity rate (Rt) dropped to 0.92 on Friday from 0.95 on Thursday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak recorded the highest Rt at 1.10. It was followed by Kuala Lumpur (1.04), Terengganu (1.03), Negri Sembilan (1.02), Perak (1.02) and Putrajaya (1.00).

Johor, Pahang, Kedah, Kelantan, Perlis, Labuan and Sabah reported an Rt of below 1.0.

Malaysia recorded 24,241 new Covid-19 infections on Friday, compared with 27,004 on Thursday, bringing the cumulative cases to 3,951,678.

"Of the new cases, 23,720 were local transmissions (22,893 Malaysians, 827 foreigners) and 521 cases (487 Malaysians, 34 foreigners) were imported," he said in a statement yesterday.

He said 9,801 cases (40.43 per cent) reported on Friday were in Category 1, 14,255 cases (58.81 per cent) in Category 2, 67 (0.28 per cent) in Category 3, 65 cases (0.27



People waiting for their children's turn to receive the first dose of a Covid-19 vaccine at the Seberang Jaya expo site vaccination centre in Seberang Jaya on Friday. PIC BY DANIAL SAAD

per cent) in Category 4 and 53 (0.21 per cent) in Category 5.

Of the 185 new cases in categories 3, 4, and 5, 60 (32.43 per cent) were unvaccinated or partially vaccinated, 71 (38.38

per cent) had received two doses of a Covid-19 vaccine but had yet to receive a booster dose, and 54 (29.19 per cent) had received a booster dose. Also, 109 cases (58.92 per cent)

are aged 60 or above, 84 (45.41 per cent) have comorbidities and one (0.54 per cent) is pregnant, he said.

"A total of 1,665 Covid-19 cases were admitted to hospital on Fri-

day, 679 of them (40.8 per cent) in categories 3, 4, and 5, and 986 cases (59.2 per cent) were in categories 1 and 2," he said.

"One hundred and sixty-four out of the 383 Covid-19 cases currently being treated in the intensive care unit (ICU) are confirmed cases and 219 cases are either suspected, possible or under investigation."

He said 222 cases in the ICU required ventilator support.

The hospital ICU bed-utilisation rate in two federal territories and six states were above 50 per cent. They were Kuala Lumpur (73 per cent), Putrajaya (67 per cent), Perlis (64 per cent), Kelantan (63 per cent), Selangor (57 per cent), Penang (55 per cent), Sarawak (55 per cent) and Johor (53 per cent).

For non-ICU bed use, 10 states and two federal territories recorded more than 50 per cent use, namely Selangor (96 per cent), Kuala Lumpur (89 per cent), Putrajaya (88 per cent), Terengganu (76 per cent), Perak (75 per cent), Perlis (72 per cent), Melaka (69 per cent), Sarawak (65 per cent), Kelantan (57 per cent), Negri Sembilan (57 per cent), Johor (55 per cent) and Pahang (51 per cent)."

He said none of the Covid-19 quarantine and low-risk treatment centres had recorded more than 50 per cent capacity up to Friday.

He said three new Covid-19 clusters were detected on Friday, bringing the tally to 6,905.

A total of 332 clusters are still active.

Selangor has highest hospital admissions on Friday

KUALA LUMPUR: Selangor topped the daily Covid-19 hospital admissions on Friday with 455 cases, up from 428 on Thursday, the Health Ministry's Covid-Now website reported.

There were 627 hospital admissions in the Klang Valley yesterday, with Kuala Lumpur and Putrajaya registering 115 and 57, respectively. The hospital bed-utilisation rate in the Klang Valley stands at 64.6 per cent.

Other states that reported new hospital admissions on Friday were Johor (317), Perak (197), Sarawak (148), Penang (142), Kedah (133), Kelantan (127), Pahang (105), Negri Sembilan (96), Sabah (96), Terengganu (66), Melaka (60) and Perlis (28).

The federal territory of Labuan

had three admissions.

There are 294,366 active Covid-19 cases in the country.

Of the total, 284,592, or 96.7 per cent, are undergoing home quarantine, 1,791 (0.6 per cent) are treated at integrated quarantine and treatment centres, and 7,600 (2.6 per cent) are hospitalised.

Malaysia's Covid-19 death toll stands at 34,244, with 59 fatalities recorded on Friday.

The ministry reported 13 brought-in-dead cases, taking the tally to 7,176.

On Covid-19 vaccinations, 1,239,194 children (34.9 per cent) aged 5 to 11 have received the first dose of a vaccine since the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids) was launched in February.

A total of 2,842,480 adolescents (91.4 per cent) aged 12 to 17 have received two doses of a vaccine, and 2,941,159 (94.6 per cent) have received at least one dose.

A total of 15,446,895 adults (65.7 per cent) have received a booster dose up to Friday.

A total of 22,941,756 adults (97.5 per cent) have received two doses of a vaccine, and 23,217,449 (98.7 per cent) have received at least one inoculation.

On Friday, 40,418 doses were administered nationwide, with 18,273 inoculations being the first dose, 1,709 the second dose and 20,436 the booster shot, taking the total number of doses administered under the Covid-19 National Immunisation Programme to 68,418,688.



A frontline attending to a Covid-19 patient at Kuala Lumpur Hospital on March 14. PIC BY EFFENDY RASHID